

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 15 BILANGAN 24 RABU 17 JUN 1970 1390 ربيع الاخير 12 رابو PERCHUMA

Sambutan Hari Keputeraan D. Y. M. M. Baginda Queen

BANDAR BRUNEI. — Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Queen Elizabeth II telah di-rayakan dengan satu upacara perbarisan di-padang besar Bandar Brunei pada hari Sabtu 13 Jun lepas.

Perbarisan yang di-dahului oleh Battalion Kedua dari pasukan Gurkha Rifle King Edward VII yang kedua itu ada-lah mengandungi pasukan Askar Melayu Di-Raja dan Pulis Di-Raja Brunei.

Tujuh buah pertubuhan awam yang terdiri dari Jabatan Laut, Jabatan Kastam Di-Raja, Jabatan Bomba, Pertubuhan Palang Merah, Pengakap, Pandu Puteri dan Boy's Brigade juga turut mengambil bahagian dalam perbarisan itu.

Perbarisan itu telah di-iringi oleh gabungan pencharagam Askar Melayu Di-Raja dan Pulis Di-Raja Brunei.

Kanak2 sekolah telah berbaris di-tepi padang.

Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi British Awang A. R. Adair telah memeriksa barisan kehormatan, sementara Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei telah menerima tabek kehormatan.

Duli Yang Maha Mulia menerima tabek kehormatan itu dari atas sa-buah pentas khas bersama2 dengan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan, Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli2 Wazir dan Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Mohammad Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim.

(Lihat Muka 8)



Gambar atas: D.Y.M.M. dengan di-apit oleh Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi British, Awang Adair dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan ketika membalas tabek kehormatan dari atas pentas yang di-bena khas untuk upacara perbarisan itu. Di-kanan sekali ia-lah Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Mohammad Yusof. Gambar kiri: Duli Yang Maha Mulia ketika di-alu2-kan ke-berangkatan baginda ka-upacara perbarisan itu oleh Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi, Awang Adair.

Mahkamah Magistret di-beri pujian

BANDAR BRUNEI. — Hakim Besar, Sir Ivor Charles Clayton Rigby ketika membuat ulasan mengenai dua rayuan perbicaraan jenayah telah memuji darjah yang tinggi mahkamah magistret di-Brunei.

Sir Ivor berkata:

"Saya tidak ingin meninggalkan perbicaraan ini tanpa berkata begini: Ini ia-lah rayuan kedua perbicaraan jenayah dari sa-orang magistret yang saya terima di-Brunei. Dalam kedua2 perbicaraan saya sangat tertarik dengan chara yang sangat teliti, rekod telah di-buat dan keterangan saksi di-ambil dan sa-sungguh-nya juga dengan perhatian teliti yang telah diberikan terhadap penulisan kaatas pertimbangan2.

Ada-lah satu perkara sangat memuasskan hati untuk melihat satu perbicaraan jenayah di-jalankan dengan sangat berhati2 dan teliti yang mana sa-sungguh-nya satu pujian terhadap darjah yang tinggi mahkamah magistret di-Brunei".



Pekedai2 di-seru supaya menggunakan bahasa Melayu dalam urusan sa-hari2

BANDAR BRUNEI. — Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Di-Raja Dato Utama Dr. Haji Awang Mohammad Jamil Al-Sufri telah menggesa semua pekedai2, sharikat2 perniagaan dan pengurus sharikat perniagaan di-

Brunei supaya menggunakan Bahasa Melayu dalam urusan mereka sa-hari2.

Beliau telah berucap di-satu perjumpaan di-Dewan Raya Jabatan Penyiaran dan Penerangan dan Dewan Bahasa dan Pustaka pada minggu lalu dalam mana lebih dari

dua ratus orang pengurus2 sharikat, badan2 perniagaan dan taukey2 menghadhiri-nya.

Beliau berkata, sharikat2 perniagaan dan kedai2 hendaklah menuliskan nama2 kedai2 dan sharikat2 mereka dengan bahasa Melayu yang bertulis

(Lihat Muka 8)



Ketiga2 orang kanak2 yang memenangi dalam kumpulan 'A' sedang di-dukong oleh ibu mereka masing2. Dari kanan Shasuri Singgah, David Liew Chong dan Suryawati Hamdan.

Isteri Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi, Puan Adair sedang menyampaikan piala kepada pemenang pertama dalam kumpulan 'A' Shasuri bin Singgah.

200 orang sertai peraduan kesihatan kanak2

BANDAR BRUNEI. — Sa-ramai 200 orang kanak2 yang di-antara empat hingga 20 bulan telah mengambil bahagian dalam peraduan kesihatan kanak2 yang telah di-adakan di-Dewan Pusat Belia Bandar Brunei pada hari Juma'at lepas.

Peraduan yang telah di-anjorkan oleh Pertubuhan Perempuan Brunei itu telah di-bahagikan kepada dua kumpulan ia-itu kanak2 yang berumur dari empat hingga 11 bulan dan dari 12 hingga 20 bulan.

Sa-ramai 120 orang kanak2 telah mengambil bahagian dalam kumpulan pertama dan 80 orang mengambil bahagian dalam kumpulan kedua.

Pemenang2 dalam kumpulan pertama ia-lah Shasuri bin Singgah mendapat tempat pertama, David Liew Chong tempat kedua dan ketiga Suryawati Hamdan.

Sementara kumpulan kedua di-menangi oleh pertama — Joseph Enau, kedua — Anita Lim dan ketiga — Dayangku Rahimahwati binte Pengiran Tengah.

Hadiah2 khas yang berupa makanan kanak2 dan permainan juga telah di-berikan kepada semua peserta yang telah mengambil bahagian dalam peraduan tersebut.

Isteri Pesuruhjaya Tinggi British di-Brunei, Puan Adair telah menyampaikan hadiah2 kepada pemenang2.



Sa-bahagian daripada peserta dan penuntun2 yang menyaksikan peraduan tersebut.



Penyelidikan "Seismic" di-perayeran Sungai Brunei

BANDAR BRUNEI. — Penyelidikan seismic di-laut telah di-jalankan di-Anak Sungai Brunei dan Limbang mulai 8 Jun lepas.

Penyelidikan itu akan di-jalankan di-kawasan yang di-hubungkan oleh Tanjong Tobu dan Tanjong Salirong di-bahagian selatan oleh Pilon Rocks dan dekat Sungai Limbang di-bahagian utara dan akan mengambil masa selama tiga bulan.

Pengarah Laut Awang Jack Turner berkata, perahu2 penyelidikan yang akan di-gunakan dalam gerakan itu akan berjalan melalui hala2 yang tetap untuk melepaskan tembakan dengan senapan angin dari semasa kesemasa.

Pembacaan akan di-buat oleh alat pengesan bunyi yang sensitif. Perahu2 penyelidikan itu akan di-ikuti oleh dua buah kapal pembawa alat2 dan perkakas yang panjangnya kira2 30 kaki dan 12 kaki lebar. Kapal2 itu akan mengibarkan bendera isyarat antara bangsa "D".

Awang Turner meminta pelaut2, tuant2 punya perahu, nelayan2 dan

pemandu2 moto sangkut supaya menjauhkan diri dari kawasan penyelidikan itu.

Beliau berkata, jika mereka melalui di-kawasan itu hendaklah memandu perahu mereka dengan berhati-hati dan perlahan2.

Sukan tahunan Maktab SOAS

BANDAR BRUNEI. — Maktab SOAS telah mengadakan sukan tahunan-nya yang kelima belas di-padang Besar Bandar Brunei pada minggu lepas.

Sa-jumlah dua puluh empat acara termasuk lumba berganti2 100 meter antara sekolah2 dan lumba lari 1500 meter terbuka kepada orang ramai telah di-pertandingkan dalam sukan itu.

Yang Berhormat Setia Usaha Kerajaan Pengiran Dato Paduka Momin bin Pengiran Haji Ismail telah menyampaikan hadiah di-akhir sukan itu.

Jadual Hari Pelajar sekolah2 Melayu

BANDAR BRUNEI. — Hari Pelajar bagi sekolah2 rendah Melayu seluruh negeri telah dan akan di-adakan sepanjang bulan Jun ini pada tarikh2 yang berasingan.

Pada minggu lalu sa-banyak 24 buah sekolah telah mengadakan Hari Pelajar di-sekolah masing2.

Pada 18 Jun esok, sa-banyak tiga buah sekolah di-dalam kawasan Tutong Dua dan sa-buah sekolah di-Daerah Temburong akan mengadakan Hari Pelajar.

Sekolah2 itu ia-lah S.M. Panchong, S.M. Sungai Damit Pemadang, S.M. Supon dan S.M. Biang Tengah.

Pada 21 Jun: S.M. Lela Manchani, S.M. Kiarong, S.M. Dato Mahawangsa, Lambak, S.M. Tanah Jambu, S.M. Serasa, S.M. Awang Haji Mohammad Yusof, Kati Mahar, S.M. Orang Kaya Setia Bakti, Kilanas, S.M. Orang Kaya Besar Imas, Subok, S.M. Mulaut, S.M. Dato Gandi, S.M. Pudak, S.M. Pulau Berbunut, S.M. Orang Kaya Ali Waneka Setia Diraja, Kupang, S.M. Bakiau, S.M. Birau, S.M. Pengiran Muda Mahkota, Kuala Tutong, S.M. Tumpuan Teliasi, S.M. Layong, S.M. Bukit dan S.M. Sultan Hashim, Batu Apoi.

Pada 22 Jun: S.M. Raja Isteri Fatimah dan S.M. Labu Estate.

Pada 23 Jun: S.M. Sungai Kebun dan S.M. Senukoh.

Pada 24 Jun: S.M. Burong Pingai, Kampong Ayer, dan S.M. Pisau-Piasau.

Pada 25 Jun: S.M. Kg. Sultan Lama, S.M. Muda Hashim, S.M. Bukit Udal, S.M. Rambai, S.M. Sangkarai dan S.M. Nagalang.

Pada 27 Jun: S.M. Putat dan S.M. Nakhoda Abdul Rashid, Menggol.

Pada 28 Jun: S.M. Kampong Setia, S.M. Anggerek Desa, S.M. Haji Mohammad Salleh, Sungai Hanching, S.M. Delima Satu, S.M. Pantai Jiam, Beribi, S.M. Bendahara Sakam, Bunut, S.M. Sengkuring, S.M. Sultan Umar Ali Saifuddin, Muara, S.M. Sultan Abdul Budin, Sa. Besar, S.M. Masin, S.M. Penanjong S.M. Keriam, S.M. Sinaut, S.M. Bukit Panggal, S.M. Abdul Rashid, Tanjong Maya, S.M. Dato Pemancha Saging, Ukong, S.M. Banutan, S.M. Ahmad Tajuddin, Kuala Belait, S.M. Muhammad Alam, Seria, S.M. Lumut, S.M. Sungai Liang, S.M. Labi, dan S.M. Sultan Hassan, Bangar.

Pada 29 Jun: S.M. Pintu Malim dan S.M. Rampayoh.

Pada 30 Jun: S.M. Pusar Ulak, S.M. Panchor Murai, S.M. Ujungong S.M. Pangkalan Batu, S.M. Panglima Berudin, Limau Maris, S.M. Pulau Baru-Baru dan S.M. Sungai Teraban.

SATU perhimpunan besar penuntut2 sekolah2 Melayu Negeri Brunei telah di-adakan di-padang SMJA Bandar Brunei pada 6 haribulan Jun 1970 kerana menghadhiri upacara pembukaan rasmi Hari Pelajar Sekolah Melayu

Hari Pelajar itu telah di-rasmikan oleh Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himamah Wal-Waqar Muda Mohammad Bolkiah yang mana keberangkatan-nya ka-upacara tersebut ada-lah menunjukan perhatian-nya yang amat besar terhadap kemajuan dan perkembangan pelajaran di-negeri ini.

Hari Pelajar di-adakan di-seluruh sekolah2 Melayu di-negeri ini sepanjang bulan Jun 1970 menurut tarikh2 yang telah di-jadualkan oleh Jabatan Pelajaran.

Kunjongan ibu bapa dan penjaga murid2 sekolah2 Melayu pada Hari Pelajar itu sangat-lah di-alu2kan kerana mereka akan dapat menyaksikan sendiri bagaimana chara-nya anak2 mereka menerima pelajaran dan bagaimana chara-nya guru2 itu menyampaikan pelajaran kepada anak2 mereka.

Keputusan pertandingan membachar Quran dan sharahan Tutong Dua

TUTONG. — Sa-ramai 40 orang murid2 lelaki dan perempuan dari 10 buah sekolah dalam bahagian Tutong Dua telah mengambil bahagian dalam pertandingan membachar Al-Quran dan sharahan bahagian perempuan dan kedua Dayang Salmah binte Ahmad dari Sekolah Melayu Birau dan kedua Dayang Janis binte Ali dari Sekolah Melayu Sengkurong.

Pertandingan yang di-adakan di-Sekolah Melayu Sinaut ini telah di-rasmikan oleh Nadzir Sekolah2 U gama Tutong Awang Zarkasj bin Haji Yusof dan hadiah2 telah di-sampaikan oleh Ketua Kampong Sinaut, Awang Jamudin Isa.

Keputusan2 pertandingan adalah seperti berikut:

Membachar Quran bahagian lelaki:— Pertama Awang Junai bin Sahidan dari Sekolah Melayu Birau dan kedua Awang Adi bin Untong dari Sekolah Melayu Sengkurong.

Bahagian perempuan: pertama Dayang Salmah binte Ahmad dari Sekolah Melayu Birau dan kedua Dayang Janis binte Ali dari Sekolah Melayu Jerudong.

Pertandingan sharahan bahagian lelaki: Pertama Awang Zainal bin Jaafar dari Sekolah Melayu Birau dan kedua Awang Marsal bin Fa-

KUNJONGAN IBU-BAPA KA-SEKOLAH2 SEMASA HARI PELAJAR ADA-LAH SANGAT2 DI-ALU2KAN

KHUTBAH JUMA'AT

KEMAJUAN PELAJARAN

Di-samping itu, pertemuan sa-chara langsung di-antara ibu bapa dengan guru2 yang mengajar anak2 mereka dan juga guru2 besar yang mentadbirkan perjalanan sekolah ada-lah suatu chara yang amat baik bagi membincangkan dan mengadakan pertukaran fikir-an antara mereka untuk kemajuan pelajaran dan pendidikan anak2 kita.

Sa-benar-nya ada-lah menjadi suatu kesilapan jika ibu bapa dan penjaga murid2 semata2 menyerahkan kemajuan anak2 bulat2 kepada kaum guru, kerana murid2 itu hanya berada dalam jagaan guru2 dalam suatu tempoh masa yang terhad, bahkan ibu bapa ada-

lah dari Sekolah Melayu Sinaut.

Dayang Tengah binte Tuan telah mendapat tempat pertama dalam pertandingan sharahan bahagian perempuan dan kedua Dayang Salmah binte Abdullah.

Belia2 di-seru supaya berusaha dalam lapangan perniagaan

BANDAR BRUNEI. — Pemangku Pengelola Ranchangan Belia Awang Yassin bin Awang Said telah menasihatkan belia2 di-negeri ini supaya jangan semata2 bergantung kepada pekerjaan dengan kerajaan tetapi hendak-lah berusaha dalam lapangan perniagaan, pertanian dan lain2 lapangan.

Awang Yassin berkata demikian apabila beliau berucap sa-belum merasmikan mashuarat agong Persatuan PUSAKE pada minggu lalu.

Beliau juga menyeru kepada belia2 supaya memelihara keamanan dan keharmonian di-negeri ini.

Beliau berkata, belia2 hendaklah bersatu padu dan bekerjasama untuk berkhidmat kepada raayat negeri ini.

nya akan kekurangan kita dalam sa-genap bidang untuk mengisi kemajuan dan perkembangan ekonomi di-negeri ini dengan tenaga kita sendiri. Kita memerlukan orang2 daripada kita sendiri yang boleh dan layak mentadbirkan dan mengelolakan sa-genap bidang keperluan2 kita untuk di-nek-

mati oleh kita di-negara kita yang makmor ini.

Keadaan sekarang ini perlulah di-perhatikan dan sudah sampai masa-nya kita insaf dan membuat perhitungan2 bagi maksud melayakkan anak2 kita untuk dapat membuat kerja dalam sa-genap bidang, perkara ini sangat rapat hubungan-nya dengan pelajaran dan pendidikan anak2 kita sangat rapat hubungan-nya dengan memupukkan bakat yang ada pada anak2 kita.

BAKAT KANAK2

Dan ada-lah menjadi suatu masa'alah yang besar bagi sekolah2 khas-nya kaum guru untuk mengetahui akan bakat sa-seorang kanak2 itu serta berikhtiar untuk menyuborkannya dan menyalorkannya bakat-nya itu menurut salorannya yang betul, supaya kanak2 itu akan lebeh berfaedah dan memberi bakti yang lebeh berkesan kepada negara dan bangsa-nya di-hari muka.

SAKSIKAN SENDIRI

Oleh yang demikian, bersempena dengan Hari Pelajar di-sekolah2 Melayu di-negeri ini, maka ada-lah di-serukan kepada ibu bapa dan penjaga murid2 berkunjung ka-sekolah2 untuk menyaksikan sendiri apa yang berlaku di-sekolah2 itu dan jalinkan-lah kerjasama yang erat antara ibu bapa dengan guru2 demi untuk kemajuan anak2 kita di-masa yang akan datang.

Pertemuan sa-chara

langsung di-antara

ibu bapa dengan

guru ada-lah satu

chara yang baik

untuk kemajuan

pelajaran anak2 kita.

lah mustahak bekerjasama dengan kaum guru dalam bidang tersebut. Kerjasama itu hendak-lah sentiasa di-pupok dan di-suborkan, maka Hari Pelajar dan kunjongan ibu bapa ka-sekolah ada-lah merupakan salah satu tanda kerjasama dengan kaum guru. Semoga kerjasama yang sa-demikian akan berjalan terus demi untuk kemajuan pelajaran dan pendidikan anak2 kita.

TENAGA SENDIRI

Kita hendak-lah menyedari dengan sa-dalam2-nya akan kemundoran kita dalam bidang pelajaran dan kita hendak-lah menyedari dengan sa-dalam2-

Waktu2 Sembahyang, Imsak dan Matahari Terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dari matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 17 Jun 1970 hingga ka-hari Selasa 23 Jun 1970 ada-lah seperti di-bawah ini:—

Hari	Bulan	Dzohor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Suboh	Matahari Terbit
17 Jun		12-27	3-47	6-38	7-50	4-37	4-52	6-08
18 Jun		12-27	3-47	6-38	7-50	4-37	4-52	6-08
19 Jun		12-27	3-47	6-38	7-50	4-37	4-52	6-08
20 Jun		12-27	3-47	6-38	7-50	4-37	4-52	6-08
21 Jun		12-28	3-48	6-39	7-51	4-37	4-52	6-09
22 Jun		12-28	3-48	6-39	7-51	4-37	4-52	6-09
23 Jun		12-28	3-48	6-39	7-51	4-37	4-52	6-09

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.



17hb. Jun 1970.

BAHASA JIWA BANGSA

KEDAULATAN bahasa Melayu sa-bagai bahasa rasmi dan bahasa kebangsaan negara ada-lah di-iktiraf dalam perlembagaan yang di-perkenan dan di-ishtiharkan oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan pada 29hb. Septembar 1959. Fasal 82 dalam perlembagaan itu mensyaratkan bahawa urusan kerajaan hendak-lah di-jalankan dalam bahasa Melayu. Bahasa Inggeris hanya boleh digunakan dengan izin pehak yang berkuasa.

Penggunaan bahasa Melayu di-kalangan penduduk2 negeri dapat di-ukur dari langkah2 yang telah di-amal oleh pehak2 yang bertanggung jawab untuk mengembang dan memperaktikan bahasa rasmi itu. Minggu dan bulan bahasa telah di-adakan dan peserta2 rapat2 umum di-padang2 besar di-tiap2 daerah yang di-sokong dan di-hadhiri oleh segala lapisan penduduk2 negeri telah berikrar hendak menggunakan bahasa Melayu dengan sa-luas-nya dalam segala lapangan kehidupan sa-bagai mendukung kehendak perlembagaan.

Malang-nya ikrar itu telah tinggal ikrar sahaja kerana mereka itu terus mendewa2kan bahasa asing bukan sahaja dalam pertuturan sa-hari2 malah dalam persuratan kepada kerajaan juga mereka enggan menggunakan bahasa Melayu.

Maka tidak-lah hairan jika Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Di-Raja Dato Utama Dr. Haji Awang Mohamed Jamil Al-Sufri sa-bagai ketua jabatan yang bertanggung jawab mengembang bahasa Melayu telah bertindak memanggil pengurus2 sharikat, gedong dan firma2 di-ibu kota untuk menekankan kepada mereka dasar yang terkandung dalam perlembagaan itu dan menggesa mereka supaya menggunakan bahasa Melayu dalam urusan sa-hari2 mereka.

Sambutan atas penggunaan bahasa Melayu daripada penduduk2 negeri dari kalangan perniagaan sangat tidak memuaskan. Sedangkan kerajaan berutus kepada mereka dalam bahasa Melayu setengah2 sharikat itu membalas atau berta-nyakkan sa-suatu dalam bahasa asing. Sumbangan yang sa-takat ini mereka berikan kepada dasar kerajaan terhadap penggunaan bahasa Melayu hanya-lah menukar papan2 nama perniagaan dan mengadakan borang2 perniagaan mereka dalam bahasa Melayu di-samping bahasa asing. Sumbangan ini ada-lah jauh dari memenohi ikrar yang telah mereka berikan untuk mengembang dan menggunakan bahasa rasmi itu.

Tidak ada kesulitan bagi sharikat2 itu memerlukan pengurus2 dan pekerja2 mereka mempelajari bahasa Melayu. Kelas2 dewasa bahasa Melayu anjoran jabatan pelajaran menerima penuntut2 dari orang2 bukan Melayu dengan perchu-ma. Ada-kah sharikat2 dan firma2 itu lebih suka kerajaan menjalankan suatu dasar "tidak melayan" sa-barang surat atau pertanyaan daripada mereka sa-lain dari dalam bahasa Melayu?



Pepereksaan trengkas, menaip

BANDAR BRUNEI. — Saramai 139 orang penuntut2 Trengkas dan Menaip akan mengambil pepereksaan di-Sekolah Melayu Puser Ulak Bandar Brunei pada hari Juma'at 19 Jun.

Sa-ramai 49 orang dari penuntut2 itu akan mengambil pepereksaan Trengkas Permulaan yang di-mulai jam 10.00 pagi, 13 Trengkas Menengah dan 9 Trengkas Tertinggi kedua2-nya di-mulai jam 8.00 pagi.

Sa-ramai 90 orang akan mengambil pepereksaan Menaip, 47 dari penuntut2 itu akan mengambil pepereksaan Menaip Permulaan pada jam 8.00 dan 10.00 pagi, 25 orang mengambil pepereksaan Menaip Menengah jam 1.30 petang dan 18 orang Menaip Tertinggi pada jam 4.00 petang.

Sa-ramai 9 orang lagi penuntut2 Trengkas dan Menaip akan mengambil pepereksaan di-Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin Kuala Belait pada hari yang sama.

Emnat orang akan mengambil pepereksaan Trengkas Permulaan pada jam 10.00 pagi dan 5 orang Trengkas Menengah termasuk sa-orang dari penuntut2 itu mengambil pepereksaan Menaip Permulaan pada jam 8.00 pagi.

Dua orang lagi akan mengambil pepereksaan book-keeping peringkat permulaan pada 21 Jun di-Jabatan Pelajaran Bandar Brunei.

Pepereksaan itu di-anjurkan oleh Trengkas Melayu Institute Malaysia dan di-kelolakan oleh Jabatan Pelajaran Bahagian Pelajaran Dewasa bagi sa-tengah tahun.

Perlumbaan go-kart

BANDAR BRUNEI. — Awang Zainuddin bin Dato Marsal akan mewakili Negeri Brunei di-Perlumbaan go-kart yang akan di-adakan di-Luneta Park di-Manila pada 27 dan 28 Jun.

Beliau akan berlepas ka-Manila pada 25 Jun.

Sepuluh buah negara akan mengambil bahagian dalam perlumbaan itu. Negara2 itu ia-lah Brunei, Singapura, Hong Kong, Jepun, Laos, Amerika Sharikat, Britain, New Zealand, Australia dan Filipina.

Gamoar atas menunjukkan Pegawai Daerah Tutong, Pengiran Othman bin Pengiran Anak Mohammad Salleh sedang menyampaikan perisai yang di-hadiahkan oleh ahli2 jawatankuasa Perkembalian Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin dari Eropah kepada ketua pasukan Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin yang menyandang naib-johan dalam perlawanan bola sepak kumpulan 'B'.

Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin telah di-kalahkan oleh Sekolah Persediaan Inggeris Bandar Brunei dalam perlawanan akhir di-padang Sekolah Melayu Muda Hashim Tutong dengan dua gol tidak berbalas.

Sambutan Maulud Nabi di-Pekan Muara

MUARA. — Lebih dari sa-ribu orang umat Islam di-Mukim Muara telah mengambil bahagian dalam perarakan

ISTIADAT MENGURNIAKAN GELARAN PEHIN

BANDAR BRUNEI. — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei telah mengurniakan gelaran Pehin Orang Kaya Laksamana kepada Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Di-Raja Dato Utama Awang Haji Abdul Rahman bin Pehin Orang Kaya Shahbandar Haji Mohamed Taha di-satu Istiadat di-Lapau di-Bandar Brunei pada hari Khamis lepas.

Istiadat itu di-hadhiri oleh pembesar2 negara termasuk Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan, Tuan Yang Terutama Pesuruh-jaya Tinggi British, Awang A. R. Adair, Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli2 Wazir, Yang Amat Mulia Cheteria2, Pengiran2 dan ketua2 jabatan.

Mudim Awang Haji Mohamed Yusof bin Japaruddin telah membacha chiri dalam istiadat mengurniakan gelaran itu.

Sementara itu istiadat mengurniakan gelaran kepada Yang Di-Muliakan Pehin Orang Kaya Perdana Indera Dato Paduka Awang Haji Zainal bin Abdul Rahman menjadi Pehin Orang Kaya Maharaja Di-Raja juga telah di-adakan pada petang semalam.

Pameran urusan rumah tangga

BANDAR BRUNEI. — Jabatan Pelajaran Bahagian Pelajaran Kelas dewasa akan menganjurkan pameran hasil kerja tangan dan urusan rumah tangga pada 25 Julai hadapan.

Sa-orang juruchapak Jabatan Pelajaran berkata, pameran tersebut ada-lah terbuka kepada semua pelajar2 kelas dewasa di-seluruh negeri.

Kata-nya, pelajar2 boleh menghantar sa-beberapa banyak hasil kerja tangan mereka ka-pameran tersebut.

Pameran itu akan di-bahagikan kepada tiga bahagian ia-itu jenis bunga2an, jenis jahitan dan anyaman serta jenis masak2an dan kueh muel.

Semua jenis barang yang akan di-pamerkan hendak-lah di-hantar melalui penyelia atau guru2 kelas Urusan Rumah Tangga masing2.

mengelilingi Pekan Muara kerana menyambut Maulud Nabi Mohammad s.a.w. pada hari Juma'at lepas

Peserta2 pada mula-nya berkumpul di-kawasan Masjid Setia Ali di-mana mereka mendengar sharahan mengenai riwayat hidup dan ajaran Nabi Mohammad s.a.w.

Kemudian-nya mereka berarak mengelilingi Pekan Muara berkumpul semula di-kawasan masjid.

Perarakan itu telah di-dahului oleh ahli2 jawatankuasa perayaan Maulud Nabi.

Lebih dari tujuh ratus orang murid2 sekolah telah mengambil bahagian dalam perarakan itu.


Sementara itu penduduk2 Kampong Subok dekat Bandar Brunei juga merayakan Maulud Nabi pada hari itu.

PERANAN BELIA DALAM LAPANGAN SUKAN



Awang Paul Chia pemain perseorangan yang ketiga pasukan PAPP yang telah mengalahkan Ang Han Chai dari persatuan belia Sumbiling 'B' dengan hitungan mata 15—2 dan 15—3.

Pemandangan di-Dewan Pusat Belia ketika perlawanan perseorangan yang pertama antara Awang Abdul Rahman dari PAPP dan Awang Shim dari Persatuan Belia Sumbiling 'B'.



BANDAR BRUNEI. — Pesuruhjaya Kebajikan, Yang Di-Muliakan Pehin Orang Kaya Laila Wangsa Awang Mohammad Salleh bin Haji Masri berkata, belia2 di-negeri ini telah memainkan peranan penting dalam lapangan sukan untuk memajukan negara.

Beliau telah berucap demikian ketika merasmikan pertandingan badminton antara persatuan2 belia Daerah Brunei-Muara dan Temburong yang di-anjurkan oleh Persatuan Kebajikan Kampong Lambak — KEKAL di-Pusat Belia, Bandar Brunei pada hari Sabtu lepas.

Pesuruhjaya Kebajikan itu berkata, meski pun Brunei sa-buah negeri yang kecil dan penduduk-nya belum begitu banyak, tetapi semangat rajin berusaha belia2-nya menempatkan Brunei maju ka-hadapan.

Beliau mengharapkan belia2 di-negeri ini akan terus bergiat supaya di-satu masa nanti Brunei akan mendapat tempat di-pertandingan badminton Piala Thomas.

Terdahulu dari itu, Yang Di-Per-tua Persatuan KEKAL, Awang Zakaria bin Haji Sulaiman telah menyatakan, bahawa persatuan KEKAL akan terus menganjurkan pertandingan itu pada tahun2 yang akan datang dan meluaskan lagi pertandingan itu ka-peringkat seluruh negeri.

Sa-banyak 11 buah pasukan belia dari Daerah Brunei-Muara dan Temburong telah mengambil bahagian dalam pertandingan yang di-jalankan sa-chara kalah mati itu.

Empat pasukan telah bertanding pada malam pembukaan itu. Persatuan Pemuda Pemudi Sultan Lama telah mengalahkan Belia Sumbiling 'B' dengan 3 perlawanan berbalas dua dan Persatuan Melayu Temburong 'A' mengalahkan Belia Sumbiling 'A' 5-0.

Pada 14 Jun, pasukan Persatuan KE-



Pesuruhjaya Kebajikan, Yang Di-Muliakan Pehin Orang Kaya Laila Wangsa Awang Mohammad Salleh ketika berucap sa-belum merasmikan pertandingan tersebut.

KAL 'A' mengalahkan Persatuan Belia Gadong 5 — 0 dan Belia Berakas mengalahkan Persatuan KEKAL 'B' juga 5 — 0.

Pada 15 Jun, Persatuan Melayu Temburong 'A' mengalahkan Persatuan Sengkurong dengan lima perlawanan tidak berbalas dan Persatuan Pemuda Pemudi Sultan Lama mengalahkan Temburong 'B' 5 — 0.

Perlawanan2 itu akan di-teruskan sehingga 18 Jun dan perlawanan akhir bagi merebut kejohanan pertandingan itu akan di-adakan dalam bulan Julai hadapan sabagai salah satu acara perayaan sambutan hari keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Per-tuan yang ke-24 tahun.

Peraduan Quran dan sharahan di-Madrasah

BANDAR BRUNEI. — Wakil2 dari 24 buah sekolah2 ugama di-Bahagian Brunei Satu akan mengambil bahagian dalam peraduan Membacha Kitab Suci Al-Quran, dan Sharahan Ugama yang akan di-adakan Dewan Madrasah di-Bandar Brunei pada hari Juma'at 19 Jun ini.

Peraduan itu akan di-mula-kan pada jam 8.00 pagi.

Sa-orang juruchakap Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei berkata hari ini bahawa peraduan itu di-adakan ia-lah salah satu sambutan bagi merayakan hari keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Per-tuan.

Peraduan yang di-anjurkan oleh Jabatan Pelajaran Jabatan Hal Ehwal Ugama itu ia-lah bagi memilih wakil sekolah2 Ugama Brunei Satu ka-pertandingan membacha Al-Quran dan sharahan perengkat Daerah Brunei-Muara yang akan di-adakan di-Madrasah pada 3 Julai hadapan.

Perlawanan sepak raga jaring anjoran KAMUDI

TUTONG. — Kesatuan Angkatan Muda Mudi Kiudang — KAMUDI akan menganjurkan perlawanan sepak raga jaring bersempena menyambut hari keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei yang ke-24 tahun bagi Daerah Tutong.

Perlawanan yang akan di-adakan dalam bulan hadapan itu ada-lah terbuka kepada persatuan2 belia, sharikat2 per-

niagaan, sekolah2 dan orang2 kampung di-Daerah Tutong sahaja.

Perlawanan itu akan di-bahagikan kepada dua kumpulan ia-itu kumpulan 'A' dan 'B'. Tiap2 persatuan2 belia, sharikat2 perniagaan, sekolah2 dan orang2 kampung boleh menghantar dua pasukan yang mengandungi lima orang pemain termasuk dua orang pemain simpanan.

Bayaran masok bertanding akan di-kenakan sa-banyak \$5.00 bagi satu pasukan.

Borang2 dan syarat2 bagi memasoki perlawanan itu boleh di-dapati dari Setia Usaha Perlawanan, Awang Ramlee bin Alihassan, Jabatan Bandaran Tutong.

Borang2 yang telah di-isikan bersama2 dengan bayaran masok bertanding hendak-lah di-kembalikan tidak lewat dari 30 Jun 1970.

SUKAN SEKOLAH2 MELAYU

BANDAR BRUNEI. — Sebanyak 105 buah sekolah Melayu di-seluruh negeri, akan mengambil bahagian dalam temasha sokan, yang akan dimulakan bulan ini.

Lapan belas buah sekolah rendah di-Bahagian Tutong Dua telah memulakan acara sokan itu minggu lalu sementara 13 buah sekolah di-Bahagian Tutong Satu pada 14 Jun. Ia-nya telah diadakan di - Padang Sekolah Menengah Melayu Muda Hashim Tutong.

Empat puluh lima buah sekolah di-Bahagian Brunei Satu; Dua dan Tiga, akan mengadakan sokan itu di-Padang Sekolah Melayu SMJA Bandar Brunei, pada tarikh2 yang berasingan.

Sa-banyak 14 buah sekolah rendah di-Daerah Belait, akan mengadakan-nya pada 21 Jun di-padang KBRC, sementara

15 buah sekolah di-Daerah Temburong pada 2 Julai di-padang Sekolah Melayu Sultan Hassan Bangar.

Perengkat akhir sokan itu akan di-adakan pada 17 Julai di-padang SMJA Bandar Brunei, ia-itu sebahagian dari acara sambutan ulang tahun hari keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei yang ke-24 tahun.

6 orang guru jalani kursus bahasa Melayu

BANDAR BRUNEI. — Saramai enam orang guru Melayu terlatih dari Jabatan Pelajaran, telah berlepas ka-Malaysia Barat pada hari Sabtu untuk menjalani kursus bahasa Melayu selama satu tahun di-University Malaya.

Mereka ia-lah Awang Abdul Rahman bin Mohamed Yusof; Awang Abdul Latif bin Chuchur; Awang Ramli bin Tunggal; Awangku Othman bin Pengiran Damit; Awangku Shahbuddin bin Pengiran Ahmad dan Awangku Abdul Razak bin Pengiran Ahmad.

Wakil Brunei Dua

BANDAR BRUNEI. — Empat orang murid lelaki dan empat orang murid perempuan telah dipilih untuk mewakili sekolah2 di-kawasan Brunei Dua ka-pertandingan membaca Quran dan Sharahan Agama perengkat Daerah Brunei yang akan di-adakan di-Madrasah Bandar Brunei pada 3 Julai hadapan.

Mereka itu ia-lah Awang Sulia bin Nayan, Awang Halbi bin Mohammad Yusof, Dayang Masni binte Ismail dan Dayang Rosita binte Yahya akan mewakili dalam bahagian sharahan sementara Awang Antin bin Jumahat, Awang Umar Ali bin Abdullah, Dayang Raziah binte Jumahat dan Dayang Azizah binte Embran akan menyertai pertandingan membaca Al-Quran.

Mereka ini telah di-pilih dalam satu pertandingan membaca Al-Quran dan sharahan Agama yang telah berlangsung di-Sekolah Melayu Panchor Murai pada minggu lalu.

Perlawanan bola keranjang hari keputeraan D.Y.M.M.

BANDAR BRUNEI. — Persatuan Bola Keranjang Amateur Negeri Brunei akan menyambut perayaan ulang tahun hari keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan yang ke-24 tahun dengan mengadakan satu pertandingan bola keranjang.

Yang Di-Pertua persatuan

BARANG2 MUZIUM BRUNEI9



Nama: JABAH.

Penerangan: Jabah ini kegunaan-nya sama dengan **chupu** ia-itu untuk menyimpan tembakau (sigop Brunei), kirai, bahan2 makan pinang saperti sireh, gambir, pinang. Jabah yang di-buat daripada tembaga ini ukoran-nya lebih besar dan lebar daripada chupu. Tudong-nya menutup sa-bahagian badan-nya serta pemegang bulat di-atas. Jabah ini di-gelar juga dengan "**chupu berkaki**" kerana ia-nya saja jenis chupu yang berkaki atau berkedudukan.

Jabah ini di-beli dalam tahun 1967 di-Daerah Brunei.

Sukatan: Tinggi: 18".

Lebar badan 13 1/4".

Lebar kaki 10 3/4".

Jawatan2 kosong di-Sharikat B.S.P.

SERIA. — Sharikat Minyak Shell Brunei sedang mempela-wa permohonan2 bagi jawatan sa-bagai Auto-Diesel Mechanic; Instrument Mechanic; Welder dan Telephone Mechanic untuk bekerja di-kawasan telaga minyak di-darat dan laut sharikat itu.

Orang2 yang ingin memohon hendak-lah tamat dengan jayanya kursus latihan pertukangan dan mempunyai pengalaman kerja2 itu.

Chalun2 yang berjaya akan di-beri gaji pokok antara

\$218.00 hingga \$455.00. Mereka akan di-berikan tempat tinggal dan menerima aloun kerana kerja2 di-laut.

Sharat2 bagi pekerjaan itu ada-lah bergantung kepada kemahiran dan pengalaman.

Pemohonan2 hendak-lah dibuat dengan cara bertulis, dengan memberikan keterangan lengkap dan butir2 mengenai kelayakan dan pengalaman kepada Jabatan Perkhidmatan Kaki-Tangan atau Personnel Services Department, B.S.P. Co, Seria.



Gambar menunjukkan sa-bahagian daripada peserta2 perempuan yang telah mengambil bahagian dalam perlumbaan jalan kaki Sekolah Menengah Melayu Jalan Muara yang telah berlangsung pada minggu lepas.

Perlumbaan sa-jauh empat batu itu telah bermula di-padang SMJA, Bandar Brunei dan berakhir di-Sekolah Menengah Melayu Jalan Muara.

JAWATAN-JAWATAN KOSONG

Sa-bagai Serang di-Jabatan Laut

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada Pegawai2 Kerajaan yang berkhidmat dan berkelayakan yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan bagi memenohi jawatan2 ko-

Penghantar Saman

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada Pegawai2 Kerajaan yang berkhidmat dalam jawatan tetap bagi memenohi jawatan sa-bagai Penghantar Saman di-Pejabat Tanah, Temburong.

Kelayakan2:

Permohon2 mesti-lah lulus Darjah V Sekolah Melayu.

Gaji:

Dalam sukatan gaji E1-2 EB3 — \$200 x 10 — 270/EB/280 x 10 — 330.

Permohonan2 hendak-lah di-hantar melalui Ketua2 Jabatan siapa di-kehendaki menghantarkan laporan2 sulit mengenai pemohon2 bersama2 dengan satu Chatetan Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 1 Julai, 1970.

song yang berikut di-Jabatan Laut, Brunei.

(a) SERANG TINGKAT I (1 kosong)

Kelayakan2 dan Pengalaman:

i) Pemohon2 mesti-lah berumur tidak kurang dari 26 tahun dan mempunyai sekurang2-nya 10 tahun pengalaman di-laut yang mana 4 tahun sekurang2-nya sebagai Serang Tingkat II.

ii) Pemohon2 mesti-lah mempunyai Sijil Kecekapan sa-bagai Master Coastal Trade Ship atau Mate Local Trade Ship.

iii) Pemohon2 mesti-lah berpengalaman membawa kapal2 bermotor single dan twin screw panjang sa-hingga 100 kaki.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D3 — \$380 x 20 — 480.

(b) SERANG TINGKAT II (2 kosong)

Kelayakan2 dan Pengalaman:

i) Pemohon2 mesti-lah berumur tidak kurang dari 22 tahun dan mempunyai sekurang2-nya 6 tahun pengalaman di-laut yang mana 2 tahun sekurang2-nya ada-lah sa-bagai Kelasi Tingkat I (Deck).

ii) Pemohon2 mesti-lah mempunyai Sijil Kecekapan sa-bagai Mate Coastal Trade Ship.

Gaji:

Dalam sukatan gaji E2 EB3 — \$240 x 10 — 270/EB/280 x 10 — 330.

Permohonan2 hendak-lah di-hantar melalui Ketua2 Jabatan siapa di-kehendaki menghantarkan laporan2 sulit mengenai pemohon2 bersama2 dengan satu Chatetan Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 1 Julai, 1970.

Juru Pemuleh Anggota

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada Juru2 Pemuleh Anggota yang berkelayakan bagi memenohi ke-kosongan di-Jabatan Perubatan dan Kesihatan, Brunei.

Kelayakan2:

Kelayakan yang biasa-nya di-kehendaki ia-lah Chartered Physiotherapist (United Kingdom) atau kelulusan yang sa-banding yang di-akui.

Gaji:

Dalam sukatan gaji BW1 — \$1020 x 40 — 1220. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Tempoh Perkhidmatan:

Satu kontrak selama tiga tahun dan pembaharuan kontrak ada-lah dengan persetujuan bersama.

Baksis:

Baksis sa-banyak 12½% daripada gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Chukai Pendapatan:

Tidak ada Chukai Pendapatan di-kenakan di-Negeri Brunei pada masa ini.

Butir2 mengenai syarat2 perkhidmatan boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 aukan dan sijil2 kepada Setia Usaha Kerajaan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 10 Julai, 1970.

Pegawai Penchen

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan bagi memenohi jawatan Pegawai Penchen2 di-Pejabat Penchen Negara, Brunei.

Kelayakan2:

a) Chalon2 mesti-lah lulus L.C.E. Inggeris dan Darjah IV Melayu.

b) Pegawai2 yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan sekurang2-nya selama lima tahun dan mempunyai kelulusan Form II Inggeris dan Darjah IV Melayu akan juga di-pertimbangkan.

Chalon yang berjaya mesti-lah bersedia bertugas di-mana2 tempat dalam negeri ini.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D1-2-3 EB4 — \$210 x 10 — 270 x 15 — 360 x 20 — 480/EB/500 x 20 — 620. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Permohonan2 daripada Pegawai2 Kerajaan yang sedang berkhidmat hendak-lah di-hantar melalui Ketua2 Jabatan siapa di-kehendaki menghantarkan laporan2 sulit mengenai pemohon2 bersama2 dengan satu Chatetan Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 29 Jun, 1970.

Tradesman Tingkatan I

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenohi jawatan sa-bagai Tradesman Tingkatan I Kumpulan I di-Jabatan Ukur, Brunei.

Pengalaman:

Pemohon2 mesti-lah mempunyai sekurang2-nya 3 tahun pengalaman sa-bagai tukang kayu dan boleh membaca lukisan2.

Tugas2:

Chalon yang berjaya akan di-kehendaki membuat dan membaiki perabot2, membaiki perahu dan membuat bairup ukor.

Gaji:

Dalam sukatan gaji F3 EB4 — \$200 x 5 — 220/EB/225 x 5 — 240.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 20 Jun, 1970.

Juruteknik Pelajaran Kesihatan

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada pegawai2 Kerajaan yang sedang berkhidmat dalam jawatan tetap bagi jawatan Juru Teknik Pelajaran Kesihatan di-Jabatan Perubatan dan Kesihatan, Brunei.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D4 — \$500 x 20 — 620.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

a) Chalon2 mesti-lah terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan.

b) Mesti-lah lulus L.C.E. (aliran Inggeris) atau pun yang sebanding dengan-nya.

c) Mesti mahir berchakap dalam bahasa Melayu dan boleh berchakap dengan terang, terutama sekali di-hadapan kumpulan orang ramai atau pun di-pertemuan2 yang di-atorkan di-sekolah2.

d) Mesti-lah berumur di-antara 20 hingga 30 tahun.

e) Keutamaan akan di-beri kepada pemohon2 yang mempunyai pengalaman dalam kerja2 Perubatan dan Kesihatan dan Perkhidmatan Penerangan Awam, serta sedia untuk pergi ka-mana2 saja dalam negeri apabila di-kehendaki.

Permohonan2 hendak-lah di-hantar melalui Ketua2 Jabatan siapa di-kehendaki menghantarkan laporan2 sulit mengenai pemohon2 bersama2 dengan satu Chatehan Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati dari pada Pegawai Perjawatan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 29 Jun, 1970.

SI-TUYU oleh: m. sallah ibrahim




Perbarisan hari keputeraan

(Dari Muka 1)

Di-antara yang hadir di-upacara perbarisan itu ialah ahli2 majlis mashuarat, Pengiran2, pemimpin2 kaum, pegawai2 kanan kerajaan dan pegawai2 Polis dan Tentera.

Pada sebelah malam-nya Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi Awang Adair telah mengadakan satu majlis jamuan di-tempat kediaman-nya untuk menghormati hari keputeraan Baginda Queen itu.

Majlis itu telah di-hadiri oleh pembesar2 negara termasuk pegawai2 polis dan tentera.



Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi British, Awang A. R. Adair ketika memeriksa barisan kehormatan yang terdiri dari pasukan2 polis dan tentera dalam upacara perbarisan hari keputeraan Baginda Queen.

Dua orang pegawai polis di-kurniakan Pingat Pulis Jajahan

BANDAR BRUNEI. — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Queen Elizabeth II telah mengurniakan Pingat Pulis Jajahan (Colonial Police Medal) kepada dua orang pegawai Polis Di-Raja Brunei bersempena menyambut hari keputeraan baginda pada tahun ini.

Pengurniaan pingat tersebut telah di-umumkan oleh Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi British, Awang A. R. Adair di-upacara perbarisan hari keputeraan Baginda Queen yang telah berlangsung di-padang besar Bandar Brunei pada hari Sabtu lepas.

Kedua2 orang pegawai itu ialah Timbalan Penguasa Pulis, Awang B.M.G. Carvalho dan Inspector Awang Mohammad Ali bin Ali Akhbar.

Peraduan silat dan kuntau hari keputeraan D.Y.M.M.

BANDAR BRUNEI. — Peraduan2 Silat dan Kuntau akan di-adakan di-padang besar Bandar Brunei pada 27 dan 28 Jun mulai pukul 7.30 malam.

Peraduan2 itu ada-lah sabahagian dari ranchangan perayaan sambutan Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang di-Pertuan Negeri Brunei dalam bulan depan.

Peraduan perengkat akhir akan di-adakan di-Istana Darul Hana di-Bandar Brunei.

Peraduan2 itu ada-lah terbuka kepada ahli2 persatuan2 belia dan orang2 persorangan di-Daerah Brunei Muara.

PERAYAAN LIMA HARI DI-DAERAH BELAIT

KUALA BELAIT. — Daerah Belait akan mengadakan perayaan sambutan hari keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei selama lima hari dalam bulan depan.

Ini telah di-putuskan dalam mashuarat yang telah di-adakan baru2 ini.

Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Ali Khan bin Abdul Khan telah di-lantek sabagai pengerusi Jawatankuasa Perayaan sambutan itu.

Sa-lain dari itu beberapa buah jawatankuasa kecil juga telah di-bentuk untuk mengendalikan beberapa acara persembahan dalam perayaan itu nanti.

Kemunchak dalam sambutan itu ia-lah satu perbarisan kehormatan yang akan di-adakan di-Kuala Belait.

Antara acara2 yang akan

di-persembahkan dalam perayaan itu termasuk-lah pameran bunga anggerik, perarakan tanglong dan kereta berhias serta lumba perahu yang akan di-adakan di-Sungai Belait.

Persembahan kesenian dan kebudayaan antara bangsa, aneka warna, berchuchol di-rumah2 dan kedai2 dan pasar gembira juga di-masokan dalam acara perayaan itu.

Persatuan Kebajikan Perempuan Daerah Belait juga akan menganjurkan pameran pertukangan tangan semasa perayaan itu.



Gunakan bahasa Melayu

(Dari Muka 1)

Jawi di-samping bahasa2 lain yang di-gunakan mereka.

Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka itu juga menggesa pекedai2, taukey2 dan pengurus2 sharikat perniagaan supaya menggunakan bahasa Melayu dalam persuratan me-

reka dan lain2 urusan perniagaan kerana Bahasa Melayu ada-lah bahasa rasmi negeri ini.

Beliau berkata, jabatan-nya sentiasa bekerjasama dan akan menolong mereka dalam penggunaan bahasa Melayu.

Bantuan kedua bagi Awang Ishak

SERIA. — Jabatan Kebajikan telah medermakan wang sebanyak \$150.00 kepada sa-orang buta, Awang Ishak bin Salam dari Seria.

Ini ada-lah bantuan yang kedua dari Jabatan Kebajikan kepada Awang Ishak untuk menolong beliau menjalankan perniagaan membuat bakul. Bantuan pertama telah di-berikan kepada beliau dalam tahun lepas.

Wang bantuan itu telah disampaikan oleh Abang Abu Hanifah bin Abang Bu-jang, sa-orang pegawai kanan di-Jabatan Kebajikan bagi pihak Pesuruhjaya Kebajikan Yang Di-Muliakan Pehin Orang Kaya Laila Wangsa Awang Mohammad Salleh bin Haji Masri.

Awang Ishak yang berasal dari Seria telah menjalani kursus di-Pusat Latehan Orang2 Buta di-Ipoh selama dua tahun dan di-Worshop Kinta Valley selama sa-tahun.

Beliau sekarang ini membuka perniagaan-nya sendiri dengan membuat bakul dengan di-bantu sa-chara sukarela oleh Puan Willis bagi menguruskan penjualan bakul2 yang di-buat oleh Awang Ishak kepada orang ramai.

Gambar menunjukkan Awang Ishak ketika menerima wang bantuan dari Awang Abu Hanifah dengan di-perhatikan oleh Setia Usaha Majlis Perkhidmatan Masyarakat Daerah Belait, Awang V.A. Salam Puan Willis dan Awangku Mohd. Yassin dari Jabatan Kebajikan.